



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 14 NOVEMBER 2025

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ANJING LIAR RISAUKAN PENDUDUK, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 28	LAIN – LAIN
2.	ILLEGAL WILDLIFE TRADE GOES DIGITAL, NATION, THE STAR, M/S – 3	
3.	SEMANGAT MODAL RM200, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 17	
4.	PASIR GUDANG OIL SPILL HITS MARINE LIVELIHOODS HARD, NEWS, THE STAR, M/S – 5	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/11/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

Anjing liar risaukan penduduk

SEREMBAN: Penduduk di Taman Pinggiran Senawang di sini bimbang dengan peningkatan kehadiran anjing liar di kawasan mereka yang semakin membimbangkan sejak kebelakangan ini.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Pinggiran Senawang, Fadzil Sharif, 58, berkata masalah berlarutan sejak beberapa tahun lalu tetapi semakin serius dan menimbulkan rasa takut dalam kalangan penduduk, terutama ibu bapa yang bimbang keselamatan anak-anak ketika beriadah atau ke sekolah.

“Memang ada pihak berkuasa tempatan (PBT) datang menangkap, tetapi selepas sebulan dua, anjing-anjing itu kembali. Masalahnya, hanya satu kontraktor dilantik untuk menangkap anjing di sekitar kawasan ini, jadi tindakan agak lambat,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui semalam.

Fadzil berkata, pihaknya sering menerima aduan penduduk mengenai gangguan anjing liar di taman permainan, padang dan kawasan berhampiran bengkel. “Kadang-kadang waktu petang, anjing-anjing

itu berkumpul di padang. Ada juga kes warga emas terjatuh kerana dikejar anjing. Kami sudah salurkan aduan kepada PBT, tetapi kawasan tangkapan terlalu luas, jadi tindakan lambat,” katanya.

Tindakan segelintir individu memberi makan kepada anjing liar secara berleluasa di kawasan perumahan antara punca haiwan itu bertambah banyak. “Kalau diberi makan di satu tempat tidak mengapa, tetapi bila merata-rata, anjing itu menjadi biasa dan berkeliaran di simpang jalan menjadikan situasi bertambah

teruk,” ujarnya.

Fadzil berharap pihak berkuasa menambah bilangan kontraktor atau menubuhkan pasukan khas bagi menangani masalah anjing liar secara lebih menyeluruh di Seremban.

“Tangkapan berkala dan penguatkuasaan lebih tegas perlu dijalankan bagi memastikan keselamatan penduduk terjamin.

“Langkah proaktif pihak berkuasa dapat mengurangkan risiko kejadian tidak diinginkan dan mengembalikan rasa selamat di kawasan perumahan ini,” katanya.

Illegal wildlife trade goes digital

RM326mil market for endangered shark, ray products found on e-commerce sites

By N. TRISHA

trishang@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Sharks and rays may be vanishing from Malaysian waters – only to resurface on e-commerce platforms, say environmental groups.

A new joint study by Traffic Southeast Asia and WWF-Malaysia has uncovered a booming online trade in shark and ray products worth over RM326mil, warning that endangered species including the critically endangered wedgefish are being openly sold as meat, fins and even whole bodies.

The groups in a joint statement said the findings showed an urgent need for Malaysia to widen legal protection under the Fisheries Act 1985, tighten traceability rules and curb local consumption before these vital marine predators disappear entirely.

The findings based on their "From Sea to Screen: Malaysia's Online Shark and Ray Trade" study conducted between October and December 2022, showed there was a growing and lucrative online market for shark and ray products.

"The survey recorded sales across major e-commerce platforms – representing at least 5.25 million kilos of products.

"The study revealed that local consumption of sharks and rays

**Save
Southeast
Wildlife**

extends beyond shark fin.

"Online, it is fresh and processed meat which dominates in volume, while whole bodies appeared most frequently in posts," the statement read.

The organisations called for coordinated action across all sectors including the government to expand protection for endangered marine species, including sharks and rays under the Fisheries Act 1985 and strengthen labelling and trade monitoring standards.

"E-commerce platforms and sellers need to disclose product origin and work with civil society groups to promote responsible trade practices," it said.

The statement stressed that sharks and rays are crucial marine species that play vital roles in maintaining healthy marine ecosystems.

"They are highly vulnerable to fishing pressure as they are slow-growing, late-maturing species with few offspring.

"Globally, according to The International Union for Conservation of Nature (IUCN)



At risk: Environmental organisations are pushing for enhanced legal protections for sharks and rays.

Red List of Threatened Species, overfishing and illegal trade have caused the world's sharks and rays to face an unprecedented crisis, with over one third of species assessed now threatened by extinction," it said.

The organisations said that while only a few sharks and rays in the online sale posts could be identified to species-level, the study revealed that some belonged to highly threatened species.

"This includes the critically endangered wedgefish and endangered whiptails, traded within an online market worth over RM326mil (US\$70mil).

"All identified shark species and nearly all ray species from the listing are native to Malaysian waters with none specifically protected under the Fisheries Act 1985.

"As Malaysia undertakes amendments to the Fisheries Act, expanding protection for endangered shark and ray species will be crucial to ensure their survival," it read.

Traffic Southeast Asia programme manager Serene Ching who co-authored the study said the study found major gaps in traceability and seller accountability, with most online posts failing to state product origin.

Climate Pause

Climate change is causing the ocean to warm as the sea absorbs some 90% of the excess heat

"Traceability (tracking products from capture to final sale) is crucial to verify where, how and what species were caught, prevent illegal trade, and promoting sustainability.

"Strengthening monitoring and species identification through traceability systems like SharkTrace, which uses QR codes to track sharks and rays from capture to product, can help build a transparent and accountable trade while supporting stronger management and policy action.

WWF-Malaysia senior marine conservation officer and co-author Serena Adam said conserving sharks and rays are not just about saving species.

"It involves sustaining ocean health that benefits our coastal communities."

**2030
PERAK
SEJAHTERA**

Semangat modal RM200

Usahawan muda desa kembang perniagaan keluarga hingga dikenali seluruh negara

Oleh Muhamad
Lokman Khairi
lokman.khairi@hmetro.com.my

Kuala Kangsar

Usianya baru 23 tahun, namun kecekalan dan semangat juang Noor Amyra Zulkefli menjadikan dirinya antara usahawan muda desa yang berjaya mengembangkan perniagaan keluarga hingga dikenali ke seluruh negara.

Anak kelahiran Kampung Labu Kubong, Lubok Merbau itu kini menguruskan ABZ D Dusun Enterprise, perusahaan rempeyek tradisional hasil air tangan ibunya, Maniza Ahmad, 51, yang mula beroperasi di dapur rumah ketika pandemik Covid-19 melanda negara.

Menurut Amyra, idea memulakan perniagaan rempeyek tercetus apabila ibunya yang juga jurulatih tari di bawah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) tidak dapat keluar mengajar ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Waktu itu mama cuma ada modal permulaan RM200, hasil bantuan seorang rakan.

"Jadi mama cuba buat rempeyek dan jual di sekitar kampung untuk tampung keperluan keluarga," katanya.

Graduan Diploma Sains



AMYRA (kiri) dan ibunya, Maniza antara pempamer di reruai Mega Karnival 3 Dimensi di MITEC Kuala Lumpur, Julai lalu.

Periklanan dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT) itu berkata, selepas menamatkan pengajian pada 2022, dia mengambil keputusan untuk tidak bekerja makan gaji, sebaliknya menyambung usaha ibunya secara lebih serius.

Dia kemudiannya mendaftar perniagaan melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 2023 kerana melihat potensi besar produk tradisional itu.

"Sepanjang empat tahun, kami melakukan penyelidikan serta pembangunan (R&D) untuk menambah baik resipi asal.

"Resepi ini asalnya daripada mama, tapi kami perbaiki berdasarkan maklum balas pelanggan, ada yang kata kurang rangup,

kurang rempah, jadi kami ubah sampai dapat rasa terbaik.

"Sekarang, kami hasilkan empat jenis rempeyek iaitu kacang tanah, kacang hijau, kacang dal dan ikan bilis," katanya.

Anak bongsu daripada lima beradik itu berkata, permulaan perniagaan mereka sangat mencabar di mana hanya mampu menghasilkan 20 balang sehari dengan bantuan dua pekerja dan peralatan terhad di dapur luar rumah.

Namun, nasib mereka mula berubah selepas menerima pelbagai bentuk bantuan daripada agensi kerajaan negeri.

"Pada Mei tahun lalu, kami dapat bantuan kedai daripada Pihak Berkuasa

Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) yang dibina di halaman rumah.

"Tahun ini pula, Jabatan Pertanian Perak beri geran RM30,000 untuk naik taraf bangunan tadi dengan penambahan bengkel yang lebih luas dan selesa, lengkap dengan ruang memasak dan pembungkusan.

"Selain itu, saya baru lulus program Agropreneur Muda Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) dan dapat bantuan RM20,000 un-

tuk beli peralatan dapur seperti ketuhar, mesin pengadun dan dapur gas industri," katanya.

Menurutnya, bantuan itu bukan sekadar memudahkan urusan pengeluaran, malah melonjak kapasiti perniagaan mereka sehingga kini mampu menghasilkan sekurang-kurangnya 150 balang sehari, berbanding 20 balang pada awalnya.

"Sekarang kami beroperasi setiap hari kecuali Ahad dan mempunyai enam pekerja tetap.

"Pada bulan Ramadan, permintaan melonjak berkali ganda dan kami boleh mengupah 16 pekerja, sekali gus menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk kampung.

"Kini, produk rempeyek kami berjaya menembusi pasaran sembilan negeri di Semenanjung Malaysia dengan ejen dan stokis aktif di setiap negeri," katanya.

Dia berkata, bantuan itu membuktikan komitmen Jabatan Pertanian Perak dan Mardi selaku agensi peneraju agenda Keterjaminan Makanan seperti digariskan dalam pelan Perak Sejahtera 2030 cetusan idea Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Berkongsi perancangan masa hadapan, Amyra berkata mereka kini dalam proses menaik taraf bengkel untuk mendapatkan pensijilan Halal dan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeS-TI) sebagai persediaan meluaskan pasaran ke peringkat nasional.



PENGARAH Pertanian Perak, Norsyanti Odhman (kanan) dan Maniza (tengah) ketika perasmian bengkel rempeyek ABZ D Dusun Enterprise, Ogos lalu.

Pasir Gudang oil spill hits marine livelihoods hard

Fishermen, mussel farmers suffer over RM10,000 in losses

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

A TOTAL of 108 fishermen and mussel farmers around Kampung Pasir Putih in Pasir Gudang, Johor, have been affected by an oil spill in Sungai Cupak.

The Oct 30 incident forced them to temporarily stop operations, causing significant losses to their daily income.

Fisherman Mansor Muda, 75, said many of them were worried about the potential impact of the contamination on marine produce taken from the waters.

"When the oil spill happened, fishermen and mussel farmers here did not go out to sea because we were concerned the catch might be unsafe for consumption," he said.

Mansor said the community relied heavily on daily sales of fresh seafood.

"On average, mussel farmers can earn around RM2,000 a day, while fishermen usually make between RM200 and RM500 daily.

"It's been more than a week since we stopped operations, and our estimated losses have exceeded RM10,000," he said.

Mansor also said that many of the affected fishermen were small-scale operators who depended solely on daily income to sustain their families.

Kampung Pasir Putih Fishermen's Association head Hamzah Allahditta, 64, said the community was frustrated as oil spills were not new to them.

"I have lived and worked as a fisherman here for over 45 years.

"I can recall more than 10 cases of oil spills happening in these waters in recent years," he said.

Hamzah said the repeated incidents raised long-standing



Zahari (seated) talking to affected fishermen in Kampung Pasir Putih after the Sungai Cupak oil spill.

"I can recall more than 10 cases of oil spills in recent years."

Hamzah Allahditta

concerns about environmental management in the area.

"We have lodged complaints many times to the relevant authorities, but this keeps happening.

"At the end of the day, it is the fishermen who suffer," he said.

Based on previous incidents, Hamzah said the water condition could take up to two weeks to return to normal.

Johor agriculture, agro-based industry and rural development committee chairman Datuk Zahari Sarip urged the relevant agencies to strengthen routine monitoring activities.

"Regular checks can help detect early signs of pollution and allow immediate action before the ecosystem and fishermen's livelihoods are affected," he said.

Zahari said inspections should not only be carried out after pol-

lution has occurred, but consistently done as part of preventive oversight.

"We do not want investigations to begin only after spills have happened.

"There must be scheduled inspections of users along the waterway and nearby port facilities," he said.

"The Environment Department is conducting follow-up action, and any further measures would depend on the outcome of ongoing investigations," he said.

Zahari said the state government's visit to the area focused on assessing pollution levels and discussing immediate assistance for affected fishermen.